

TEKNIK ROUND ROBIN DAN ROUND TABLE DALAM PROSES PENULISAN KARANGAN BAGI MATA PELAJARAN BAHASA CINA TAHUN EMPAT

Oleh

Sharon Lee Fui Sze

ABSTRAK

Penyelidikan ini mengkaji tentang teknik Round Robin Dan Round Table dalam proses penulisan karangan bagi mata pelajaran Bahasa Cina Tahun Empat di kawasan luar bandar. Kajian ini adalah berbentuk kajian tindakan yang bertujuan untuk mengaplikasikan teknik Round Robin dan Round Table dalam proses pengajaran dan pembelajaran berkaitan dengan penulisan karangan Bahasa Cina. Sebuah kelas Tahun Empat terlibat dalam kajian ini kerana kemahiran yang dipelajari berkaitan dengan penulisan karangan. Peserta kajian didedahkan dengan teknik-teknik berkenaan semasa penulisan karangan Bahasa Cina, diikuti dengan membuat Latihan 1. Di samping itu, borang pemerhatian dan soalan temu bual juga digunakan. Hasil-hasil tersebut kemudiannya dianalisis untuk melihat kesan teknik-teknik tersebut dalam proses pengajaran dan pembelajaran berkaitan dengan penulisan karangan Bahasa Cina.

1.0 Siapa Saya

Saya merupakan pelajar Program Ijazah Sarjana Muda Keguruan Kementerian Pelajaran Malaysia-Open University Malaysia (PISMK KPM-OUM) yang mengkhusus dalam Pengajian Cina di Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) Kampus Batu Lintang. Berdasarkan pengalaman saya menjalani praktikum Fasa Satu, saya telah mendapati murid-murid kurang mampu untuk mengarang dengan baik tanpa bimbingan dan bantuan daripada guru. Keadaan ini timbul terutamanya bagi karangan yang berbentuk fakta. Penyemakan terhadap karangan yang ditulis oleh murid-murid semasa menjalani praktikum pada semester empat memperlihatkan sebahagian besar karangan yang dikarang oleh murid-murid tidak mencapai tahap yang memuaskan. Mereka seolah-olah kekurangan idea untuk menghasilkan karangan.

Dalam konteks pengajaran dan pembelajaran (p&p) Bahasa Cina, terutamanya dalam pengajaran penulisan karangan, teknik *Round Robin* dan *Round Table* dirasakan sesuai untuk membantu guru melaksanakan aktiviti berkaitan dengan penulisan karangan secara lebih berkesan. Dengan ini, saya telah menjalankan kajian berkaitan dengan kedua-dua teknik tersebut dalam kalangan murid-murid Tahun 4 semasa praktikum

Fasa Dua di salah sebuah sekolah luar bandaraya Kuching. Kajian ini berlangsung selama enam minggu dalam usaha untuk melihat perkembangan murid-murid dari segi penulisan karangan setelah tindakan dilaksanakan.

1.1 Keprihatinan Saya

Dalam masyarakat moden ini, proses p&p terutamanya kaedah p&p perlu diuruskan dengan cara yang lebih. Tanpa proses pengajaran yang sistematik, p&p berkesan tidak mungkin dapat dilaksanakan. Menurut Khalid (1993), pembelajaran berkesan bermakna satu usaha yang teratur, bersistem, bertertib serta optimum yang menyatupadukan dan memanfaatkan kesemua komponen pembelajaran untuk kejayaan yang paling maksimum.

Berdasarkan pengalaman saya ketika menjalani praktikum, saya mendapati guru memang memainkan peranan yang penting dalam membantu murid-murid mengolah isi-isi semasa menjalankan proses penulisan karangan. Namun, murid-murid kurang dilatih untuk meneroka maklumat sendiri berdasarkan pelbagai bahan sumber. Guru tidak berperanan membantu menyaring dan menyusun maklumat yang telah dikemukakan oleh murid-murid. Sebaliknya, guru sering kali menghadkan murid-murid dalam mengemukakan isi-isi. Pada pendapat saya, teknik ini sudah tidak sesuai dengan sistem pendidikan kini yang mementingkan pembelajaran bestari. Karangan yang dihasilkan melalui teknik tradisional ini sebenarnya tidak akan menunjukkan peningkatan dalam pencapaian murid dari segi kognitif dan afektif. Sekiranya keadaan ini berterusan, masalah penulisan karangan dalam kalangan murid-murid sukar untuk diatasi.

Guru yang dedikasi akan sentiasa mencari idea yang baru dan lebih efektif dalam usaha menghadapi cabaran yang pelbagai di sekolah. Guru perlu menghadapi bilangan murid yang ramai dengan pelbagai aras kebolehan serta berbilang bangsa dan budaya dalam senario pendidikan pada masa kini. Oleh itu, kerjasama dalam pasukan sangat diperlukan supaya setiap individu dapat mencapai apa yang dihasratkan dan memperoleh manfaat bersama (Senge, 1994). Mutakhir ini, pembelajaran koperatif merupakan satu pendekatan yang banyak digunakan untuk memupuk nilai kerjasama dalam kalangan ahli kumpulan (Kagan, 1992).

Pembelajaran koperatif merupakan kaedah pengajaran yang generik di mana murid-murid dari pelbagai tahap pencapaian bekerjasama sebagai satu kumpulan untuk menyelesaikan masalah, menyempurnakan sesuatu tugas, atau mencapai sesuatu sasaran kumpulan (Salvin, 1983). Ahli-ahli kumpulan akan berbincang mengenai sesuatu kandungan yang dipelajari dan kemudian memfrasa dalam keupayaan bahasa yang bersesuaian

dengan aras kelas dan pengetahuan mereka semasa menjalani pembelajaran dalam kumpulan.

1.2 Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk:

- menambahbaik amalan kendiri dan seterusnya menambahbaik hasil penulisan karangan Bahasa Cina murid-murid Tahun 4 melalui penggunaan teknik *Round Robin* dan *Round Table*; dan
- meninjau kekuatan dan kelemahan kedua-dua teknik tersebut dalam proses p&p berkaitan dengan penulisan karangan Bahasa Cina.

1.3 Persoalan Kajian

Semasa saya menjalankan kajian ini, terdapat dua persoalan yang timbul yang ingin dijawab. Antaranya ialah:

- Apakah kesan teknik *Round Robin* dan *Round Table* terhadap proses penulisan karangan Bahasa Cina dalam kalangan murid-murid Tahun 4?
- Apakah kekuatan dan kelemahan kedua-dua teknik berkenaan?

2.0 Tindakan Saya

Kajian tentang cara belajar secara koperatif (Johnson & Johnson, 1993) menunjukkan bahawa pembelajaran koperatif membawa (a) hasil pencapaian dan produktiviti yang tinggi, (b) lebih prihatin, saling membantu dan mewujudkan perhubungan yang komited, dan (c) lebih sihat secara psikologi, memupuk kemahiran sosial dan jati diri yang tinggi. Tambahan pula, kajian-kajian oleh Kagan (1993) dan Cohen (1994), sebagai contohnya, juga menunjukkan bahawa pendekatan tersebut membantu murid memperoleh pencapaian yang tinggi dalam bidang akademik. Kesaksesan yang memberangsangkan ini menjadikan pembelajaran koperatif salah satu daripada strategi pembelajaran yang paling berharga kepada guru.


Pelaksanaan tindakan telah diadakan selama dua waktu bagi satu minggu tertentu dan seterusnya diikuti oleh Latihan 1. Penilaian hasil kerja latihan adalah berpandukan skala pemarkahan yang telah ditetapkan. Borang pemerhatian telah digunakan semasa tindakan dilaksanakan. Temu bual pula dijalankan ke atas murid-murid Tahun 4 di SJK(C) CH berpandukan soalan temu bual berstruktur.

Sesi bercerita telah dirancang oleh guru pada permulaan sesi pengajaran. Memandangkan peserta kajian baru sahaja terdedah dengan puisi kanak-kanak, maka saya mengambil inisiatif untuk memberi pengenalan secara ringkas berkaitan dengan puisi kanak-kanak selepas aktiviti set induksi dijalankan. Pada langkah dua dalam proses p&p, saya membincangkan

perkara yang berkaitan dengan perayaan yang disambut oleh kaum Cina, terutamanya Pesta Tanglung. Langkah tersebut dilaksanakan sebagai persediaan kepada peserta bersiap sedia untuk melakukan aktiviti pada langkah ketiga dalam p&p berkaitan dengan penulisan karangan Bahasa Cina. Seterusnya, saya membimbang peserta melengkapkan sebuah puisi kanak-kanak yang bertajuk ‘Pesta Tanglung” dengan menggunakan teknik penyoalan.

Pada langkah empat, saya memberikan arahan kepada para peserta untuk membentuk kumpulan. Selepas mendengar arahan guru, semua ketua kumpulan membimbang ahli kumpulan masing-masing untuk membaca puisi kanak-kanak yang telah dilengkapkan pada langkah ketiga untuk mengukuhkan pemahaman tentang cara penulisan puisi kanak-kanak. Seterusnya, saya mengedarkan satu puisi kanak-kanak bertajuk “Hari Kemerdekaan” untuk dilengkapkan oleh setiap kumpulan. Saya kemudiannya memberikan arahan, iaitu setiap peserta dalam kumpulan perlu mengutarakan idea kepada kumpulan secara bergilir-gilir mengikut putaran jam. Setelah selesai aktiviti mengemukakan idea melalui teknik *Round Robin*, saya menerangkan aktiviti seterusnya, iaitu mengemukakan idea masing-masing pada kertas melalui teknik *Round Table*. Setelah wakil setiap kumpulan mengambil kertas, mereka beredar ke tempat masing-masing. Mereka dibenarkan menulis serta mengemukakan idea mengikut keselesaan mereka. Ketua kumpulan membimbang ahli masing-masing untuk menulis idea yang dikemukakan pada ruang dalam kertas tersebut secara bergilir-gilir.

Setiap kumpulan diminta mendeklamasikan puisi secara bergilir-gilir untuk aktiviti seterusnya. Semasa setiap kumpulan mendeklamasikan puisi di depan kelas, kumpulan yang lain membuat penilaian ke atas puisi yang dibentangkan, bahasa yang digunakan dan gaya penyampaian. Setelah persembahan semua kumpulan, saya kemudian memberi peluang kepada wakil bagi setiap kumpulan untuk menyampaikan hasil penilaian mereka. Di samping itu, saya juga memberikan ulasan dan pendapat setelah kesemua wakil kumpulan memberi komen. Saya juga memberi motivasi dan galakan kepada mereka yang kurang menyerlah, diikuti oleh bimbingan dengan bantuan media pengajaran seperti yang ditunjukkan pada Gambar 1. Akhirnya, saya meminta beberapa orang peserta membuat ulasan tentang pelajaran pada hari tersebut.




Gambar 1: Bimbingan murid dengan bantuan media pengajaran

3.0 Metodologi Kajian

3.1 Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian ini ialah kajian tindakan. Pemerhatian dan temu bual adalah antara teknik pengumpulan data utama yang digunakan. Kajian tindakan ini dijalankan berdasarkan model Kurt Lewin seperti yang ditunjukkan pada Rajah 1.



Rajah 1: Kajian tindakan berdasarkan Model Lewin.

3.2 Peserta Kajian

Hanya terdapat satu kelas bagi Tahun 4 SJK(C) CH. Dengan ini, semua murid Tahun 4 di sekolah tersebut dipilih untuk menjadi peserta dalam kajian ini. Murid-murid Tahun 4 yang digelar sebagai peserta kajian berumur sepuluh tahun dan terdiri daripada 10 orang murid lelaki dan 5 orang murid perempuan.

3.3 Teknik Mengumpul Data

Data kajian ini telah dikumpul berdasarkan sumber seperti Latihan 1 untuk murid-murid, borang pemerhatian saya dan soalan-soalan temu bual.

3.4 Teknik Menganalisis Data

Data yang dikumpul melalui Latihan 1 dan borang pemerhatian saya dianalisis secara secara deskriptif dalam peratusan. Data yang dikumpul melalui temu bual telah dianalisis dalam bentuk jadual dan secara deskriptif dalam peratusan. Data temu bual yang dikutip telah ditranskripsikan dalam bentuk teks. Teks telah dibaca semula untuk dilabel dan dikategorikan. Tema dijelmakan berdasarkan label dan kategori dengan mengenal pasti bentuk frasa yang sama, yang ada hubungan atau berbeza antara satu sama lain.

4.0 Dapatan Kajian Dan Refleksi

4.1 Seronok dengan kaedah pembelajaran koperatif

Dalam kajian ini, hanya lapan orang peserta yang dipilih untuk sesi temu bual. Tujuannya adalah untuk mendapatkan persepsi mereka terhadap pembelajaran koperatif menggunakan teknik *Round Robin* dan *Round Table* yang telah dilalui mereka sepanjang tempoh kajian dijalankan. Analisis terhadap temu bual menunjukkan 87.5 peratus (%) peserta menyatakan bahawa mereka berasa seronok dengan teknik *Round Robin* dan *Round Table* dalam proses penulisan karangan Bahasa Cina.

Dari segi penyertaan dan interaksi dalam kelas, 100% daripada murid bersetuju bahawa teknik-teknik ini telah menambahkan peluang bagi mereka untuk mengambil bahagian secara aktif dalam kelas. 100% daripada peserta yang ditemu bual juga menyatakan bahawa mereka memperoleh pengetahuan daripada sesi p&p yang dilalui.

Aspek yang paling ramai peserta ini suka tentang pembelajaran koperatif menggunakan teknik *Round Robin* dan *Round Table* adalah seperti berikut, iaitu:

- dapat bekerjasama antara satu sama lain;
- pelajaran lebih mudah difahami;
- mereka dapat berbincang atau berkongsi pendapat; dan
- mereka berpeluang untuk bergaul atau berkenalan dengan rakan-rakan.

Gambar 1 dan 2 memaparkan keadaan para peserta ketika berbincang semasa pelaksanaan teknik *Round Robin* dan *Round Table*.



Gambar 1 dan 2: Keadaan para peserta ketika berbincang

Namun begitu, terdapat juga beberapa aspek dalam pembelajaran koperatif menggunakan kedua-dua teknik tersebut yang mereka tidak suka. Berdasarkan sesi temu bual, didapati seorang peserta yang berpendapat bahawa dia tidak suka pembelajaran koperatif ini kerana kadar pembelajaran dianggap lambat. Pada keseluruhannya, 75% daripada peserta menyatakan bahawa mereka tidak menghadapi apa-apa masalah semasa terlibat dalam p&p. Namun begitu, terdapat dua orang peserta yang lain telah menyatakan masalah yang dihadapi mereka semasa melaksanakan kedua-dua teknik dalam pembelajaran koperatif. Masalah yang dinyatakan dapat dikumpulkan dalam kategori “tidak sempat mengorganisasi dan mencatat pendapat”. Kesuntukan masa juga merupakan salah satu masalah yang dihadapi semasa melaksanakan teknik-teknik tersebut sepanjang tempoh kajian ini dijalankan. Para peserta memang dikehendaki menurunkan pendapat masing-masing dalam tempoh masa yang singkat pada masa tersebut.

Soalan terakhir dalam soalan temu bual yang diberikan kepada para peserta memberi peluang kepada mereka menyatakan pendapat mengenai keinginan mereka untuk terus belajar penulisan karangan dengan menggunakan teknik *Round Robin* dan *Round Table*. Berdasarkan keputusan kajian, didapati 75% peserta menyatakan keinginan mereka untuk terus belajar penulisan karangan melalui teknik-teknik ini kerana berpendapat bahawa teknik-teknik ini menjadikan pelajaran lebih mudah difahami. Sebaliknya, 25% peserta menyatakan bahawa mereka tidak ingin meneruskan pembelajaran menggunakan teknik-teknik ini kerana mereka susah atau kurang memahami pelajaran, penerangan yang diberikan oleh guru terlalu ringkas atau tidak mendalam, dan cara pembelajaran tersebut

membosankan mereka. Keputusan kajian ini memperlihatkan pelbagai persepsi peserta terhadap proses pembelajaran menggunakan teknik *Round Robin* dan *Round Table*. Kepelbagaian dari segi pendapat ini mungkin disebabkan oleh kepelbagaian cara yang sesuai untuk murid-murid belajar dengan berkesan.

Setelah sesi p&p menggunakan teknik *Round Robin* dan *Round Table* bersama peserta kajian dilaksanakan, didapati bahawa kaedah pembelajaran ini amat baik jika tiada kekangan masa. Kekangan masa ini dilihat dari segi tempoh kajian dihadkan semasa tempoh praktikum berlangsung sahaja, iaitu selama enam minggu sahaja. Begitu juga dengan waktu pelaksanaan kajian ini yang hampir dengan waktu peperiksaan akhir tahun menyebabkan wujudnya kerisauan tentang isu tidak dapat menghabiskan sukanan pelajaran. Saya juga berpendapat bahawa masa yang lebih panjang diperlukan untuk mengajar satu tajuk kecil.

Namun, dari segi pengajaran dalam bilik darjah, saya mendapati peserta kerap bertanya untuk memahami pelajaran, penglibatan peserta bertambah, peserta yang biasanya pasif kelihatan menjadi aktif dan ceria. Saya berpendapat bahawa unsur yang telah memotivasi para peserta untuk berusaha ialah pemberian pelekat sebagai peneguhan positif. Para peserta kelihatan berlumba-lumba untuk mendapat pelekat tersebut. Pada keseluruhannya, persepsi saya terhadap pembelajaran koperatif menggunakan teknik *Round Robin* dan *Round Table* adalah positif dan pada masa akan datang, teknik-teknik ini akan cuba digunakan lagi dalam proses p&p untuk penulisan karangan bagi mata pelajaran yang lain.

Secara umumnya, dapatan daripada pemerhatian saya juga dapat dijelaskan dari aspek afektif. Aspek afektif merupakan satu lagi perkara yang diperhatikan dalam kajian ini. Aspek ini pula melibatkan maklumat tentang keupayaan para peserta mengendalikan emosi dengan baik disebabkan proses penulisan secara berkumpulan memerlukan kawalan emosi yang sedemikian. Emosi yang stabil dapat dilihat daripada perlakuan dan tutur kata mereka yang teratur sepanjang aktiviti p&p berlangsung. Ini termasuk aspek kawalan perasaan. Bukan setakat itu sahaja, keyakinan ketika menurunkan idea dan kreativiti mereka juga diperhatikan. Aspek afektif diberikan tumpuan kerana berkaitan dengan proses pembelajaran yang menentukan keberkesanan kedua-dua teknik. Dapatkan menunjukkan bahawa kesemua peserta menunjukkan perasaan yang terkawal ketika mencatat isi-isi pada kertas yang telah disediakan. Secara keseluruhannya, bolehlah dirumuskan bahawa kedua-dua teknik ini memberikan implikasi yang baik terhadap kestabilan emosi murid-murid. Hal ini memberi petanda yang baik bahawa teknik-teknik tersebut dapat diaplisasikan dalam aktiviti

pembelajaran khususnya penulisan karangan pada masa yang akan datang.

Daripada pemerhatian saya juga, saya mendapati bahawa teknik *Round Robin* dan *Round Table* berjaya mewujudkan keseronokan kepada para peserta. Keseronokan dalam proses p&p penting bagi mewujudkan motivasi dalam mereka. Tingkah laku mereka yang berebut-rebut dan tidak sabar-sabar untuk menurunkan pendapat memberikan gambaran bahawa mereka yakin dalam proses penulisan tersebut.

Dalam kajian ini, para peserta telah didedahkan kepada pembelajaran koperatif menggunakan teknik *Round Robin* dan *Round Table* sebagai satu alternatif dalam proses p&p berkaitan dengan penulisan Bahasa Cina bagi murid-murid Tahun 4. Teknik-teknik ini bukan sahaja dapat membentuk kemahiran belajar malahan meningkatkan kemahiran sosial para peserta. Keadaan ini terbukti daripada aktiviti kumpulan yang dilalui mereka yang telah memberi ruang kepada para peserta belajar sesama mereka dalam satu suasana yang memotivasi. Dengan ini, pembelajaran menjadi lebih menyeronokkan dan seterusnya prestasi para peserta dapat ditingkatkan.

Faktor masa merupakan satu daripada prasyarat untuk menjadikan kedua-dua teknik tersebut dilaksanakan secara berkesan. Aspek ini perlu diberikan pertimbangan kerana berdasarkan persepsi para peserta dan saya yang terlibat, satu sesi p&p memerlukan masa yang panjang. Oleh itu, keada-dua teknik tersebut memerlukan perancangan yang rapi dan isi pelajaran perlu sesuai dengan tahap kebolehan para peserta.

Kaedah pembelajaran koperatif menggunakan teknik *Round Robin* dan *Round Table* cenderung ke arah strategi pengajaran berpusatkan murid. Ini bermakna guru perlu mempunyai kemahiran fasilitator yang tinggi. Kaedah pembelajaran koperatif juga membolehkan guru mengubah peranannya daripada seorang pengajar menjadi fasilitator. Justeru, trenda guru sebagai fasilitator akan dapat dipupuk dan dikembangkan lagi apabila teknik-teknik ini dilaksanakan dalam sesi p&p.

Pembelajaran koperatif menggunakan teknik *Round Robin* dan *Round Table* memerlukan perancangan yang melibatkan banyak masa dan tenaga. Oleh itu, dicadangkan guru perlu bekerjasama melalui Panitia masing-masing dalam usaha membuat perancangan. Di samping itu, kolaborasi juga boleh dijalankan antara guru dengan pegawai pendidikan dan pensyarah institusi pendidikan. Lazimnya, kemahiran tertentu hanya dimonopoli oleh guru yang tertentu sahaja kerana didedahkan dengan kursus tertentu. Sebernarnya, pembelajaran koperatif menggunakan teknik *Round Robin* dan *Round Table* boleh diamalkan oleh semua guru. Justeru,

teknik-teknik ini boleh dipopularkan untuk semua guru, bukan dalam kalangan guru-guru tertentu sahaja.

Pihak pengurus sekolah boleh menggalakkan guru mengamalkan kaedah pembelajaran koperatif dengan mengadakan program latihan kemajuan staf agar semua guru memiliki kemahiran dalam melaksanakannya dalam bilik darjah masing-masing. Selain itu, kajian lanjutan berkaitan dengan pembelajaran koperatif menggunakan kedua-dua teknik ini dalam mata pelajaran lain di sekolah juga boleh dilaksanakan.

4.2 Kelebihan Teknik Round Robin dan Round Table

Teknik *Round Robin* dan *Round Table* mempunyai kekuatan dalam proses penulisan. Kekuatan kedua-dua teknik ialah ia dapat memotivasi dan mewujudkan keseronokan kepada peserta pada masa p&p berlangsung. Para peserta boleh bergerak dan sekaligus dapat mengaktifkan dan menceriakan suasana bilik darjah.

Aktiviti yang telah berlangsung juga mampu melatih peserta mendengar arahan dengan teliti dan seterusnya melaksanakan arahan dengan cepat dan tepat. Tambahan pula, sikap yang baik dalam kalangan peserta dapat disemai melalui aktiviti yang dilaksanakan. Latihan untuk mereka bekerja dalam satu pasukan merupakan salah satu ciri dalam pembelajaran koperatif. Peserta yang cerdas dapat membantu peserta yang lemah sama ada secara langsung atau tidak langsung. Perkongsian maklumat dalam kalangan peserta kelihatan mampu membuka minda mereka dengan lebih luas. Keadaan ini besar kemungkinan dapat membantu mereka untuk menghasilkan karangan yang lebih baik. Gambar 3 hingga 6 merupakan hasil kerja para peserta bagi keempat-empat kumpulan ekoran daripada pelaksanaan teknik *Round Robin* dan *Round Table*.



Gambar 3 hingga 6: Hasil kerja para peserta kajian

Bukan setakat itu sahaja, aktiviti yang berlangsung semasa pelaksanaan teknik *Round Robin* dan *Round Table* juga boleh melatih murid-murid tersebut kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif. Umpamanya, penyaringan maklumat memerlukan mereka berfikir pada aras yang lebih tinggi. Tambahan pula, kedua-dua teknik tersebut nampaknya dapat mendorong para peserta untuk berfikir secara matang kerana proses pemerolehan maklumat yang relevan, penyaringan maklumat dan penghasilan maklumat dalam bentuk lisan dan bertulis memerlukan penjanaan fikiran. Sekiranya aktiviti sedemikian dibuat secara berterusan, kematangan berfikir dalam kalangan peserta mungkin boleh dipercepatkan.

Teknik *Round Robin* nampaknya memberikan peluang untuk meningkatkan keupayaan peserta yang kurang mampu dalam kemahiran berfikir. Ini kerana teknik ini membolehkan mereka memberi pendapat manakala pihak lain dapat mendengar dan memberi komen. Namun demikian, saya perlu sentiasa membimbing para peserta demi memperoleh hasil pembelajaran yang lebih positif.

Kedua-dua teknik juga kelihatan dapat memupuk sikap berani para peserta. Keberanian dalam mengemukakan pendapat dan kebolehan mengawal emosi merupakan aspek yang tidak boleh dipandang ringan untuk melahirkan peserta yang berwibawa, berketerampilan dan matang. Sikap tersebut secara tidak langsung dapat memupuk sikap rasional dalam diri mereka.

4.3 Kelemahan Teknik Round Robin dan Round Table

Walau bagaimanapun, penggunaan kedua-dua teknik juga mempunyai kelemahannya. Dalam proses pengajaran penulisan, teknik *Round Robin* boleh menyebabkan kelas menjadi bising. Fenomena tersebut boleh mengganggu pembelajaran sekiranya tidak dikawal dengan baik oleh saya. Kelas yang asalnya bertujuan untuk memberikan manfaat kepada mereka boleh bertukar menjadi kelas yang kelam-kabut sekiranya saya gagal mengawal para peserta. Keadaan ini besar kemungkinan boleh menggagalkan proses p&p. Oleh itu, saya perlu mentadbir kelas dengan baik untuk mengatasi masalah tersebut.

Dari segi masa, proses pembelajaran yang menggunakan kedua-dua teknik ini memerlukan masa yang lebih panjang, terutamanya bagi aktiviti menurunkan idea dan penyaringan idea. Penyaringan idea memerlukan ketelitian supaya hasil yang tepat dan relevan dapat dihasilkan. Hasil pembelajaran tidak akan mencapai tahap yang optimum jika masa yang diperuntukkan tidak mencukupi.

Di samping itu, teknik *Round Robin* dan *Round Table* kurang sesuai dilaksanakan untuk kumpulan yang majoriti pesertanya kurang cerdas kerana proses pemilihan dan penyaringan idea memerlukan kecekapan berfikir. Sekiranya kumpulan terdiri daripada majoriti peserta yang kurang cerdas, dikhawatir teknik ini tidak dapat memberikan hasil kerja yang memuaskan. Sebaliknya, peserta yang kurang cerdas boleh dibantu sama ada secara langsung atau tidak langsung oleh peserta yang lebih cerdas jika peserta berada dalam kumpulan heterogen.

5.0 Kesimpulan

Kesimpulannya, teknik *Round Robin* dan *Round Table* dalam kajian ini merupakan teknik-teknik yang boleh dilaksanakan dalam p&p berbentuk penulisan karangan Bahasa Cina Tahun 4 malahan dalam semua bentuk pembelajaran. Terdapat banyak perkara yang perlu diberikan perhatian agar penggunaan teknik-teknik ini dapat menyumbang ke arah hasil yang optimum. Perkara yang perlu diberikan perhatian ialah kawalan terhadap murid secara bijaksana dan pemantauan yang rapi terhadap maklumat yang diperoleh di samping menyamaratakan peluang murid belajar dalam kumpulan. Kedua-dua teknik ini didapati boleh memberikan motivasi kepada murid-murid saya. Keadaan ini mungkin dapat mendorong meningkatkan keupayaan murid dalam semua aspek sama ada kognitif mahupun afektif. Walau bagaimanapun, kajian mengenainya perlu dilakukan dari masa ke masa untuk membaiki cara pelaksanaannya. Sememangnya pembelajaran koperatif merupakan pembelajaran yang menarik dan menyeronokkan tetapi komitmen yang tinggi daripada pihak guru diperlukan.

Salah satu aspek yang dikenal pasti mempengaruhi hasil penulisan ialah faktor masa. Oleh itu, aspek ini perlu diberikan perhatian supaya kesan pelaksanaannya lebih efektif. Dalam kajian ini, kesediaan minda murid untuk menulis karangan terganggu oleh sebab had masa yang ditetapkan. Oleh itu, dicadangkan agar masa untuk pengajaran dan pembelajaran penulisan karangan yang menggunakan teknik ini dipanjangkan sehingga murid selesai menulis karangan. Waktu satu jam yang biasanya diperuntukkan untuk p&p Bahasa Cina tidak sesuai untuk pengajaran kemahiran menulis karangan menggunakan teknik *Round Robin* dan *Round Table*. Hal ini kerana penulisan karangan merupakan pakej yang tidak boleh diasing-asingkan. Selain itu, proses ini tidak boleh diberhentikan pada separuh jalan dan disambung pada masa yang lain. Sekiranya ini berlaku, aliran idea terhenti dan kemungkinan akan wujud *mood* yang berlainan pada masa murid menulis yang menjelas kualiti karangan murid-murid.

Walau bagaimanapun, dicadangkan agar percubaan lain dibuat pada masa akan datang, iaitu masa untuk aktiviti yang menggunakan kedua-dua teknik ini dalam penulisan tanpa terikat dengan waktu satu jam yang ditetapkan.

Kajian lanjutan juga boleh dijalankan dalam kalangan peserta sekolah menengah. Tahap kematangan mereka mungkin lebih sesuai dieksplorasikan dengan tahap penulisan karangan yang lebih tinggi. Tambahan pula, mereka diandaikan mempunyai kemahiran sosial yang lebih baik daripada peserta di sekolah rendah.

Kajian mengenai pembelajaran koperatif menggunakan teknik *Round Robin* dan *Round Table* ini boleh dijalankan terhadap mata pelajaran lain yang ada di sekolah. Setiap mata pelajaran mempunyai tajuk tertentu yang mungkin sesuai diajar dengan menggunakan kaedah pembelajaran ini. Sekiranya ini dapat ditemui dalam kajian lanjutan, ia akan dapat membantu meningkatkan pencapaian pelajar dalam mata pelajaran tersebut serta menyumbang ke arah penjanaan ilmu berkaitan dengan kedua-dua teknik tersebut.

Bibliografi

- Alexandre Dumas. (2002). *Amalan pembelajaran koperatif di Kelas*. Betong: Jabatan Pendidikan Bahagian Sri Aman.
- Azizi Hj. Yahaya, Ahmad Johari Sihes & Shahzalina Ghazali. (2001). *Amalan pembelajaran koperatif di kalangan guru-guru mata pelajaran Teknik Dan Vokasional di tiga buah Sekolah Teknik di Selangor*. Johor: Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Cheah Tong Tiat, Adlan bin Abdul, Baskaran a/l Nadeson & Lim Chin Li. (2001). *Keberkesanan kaedah pembelajaran koperatif dalam pembelajaran bacaan pemahaman teks di kalangan murid SJK (C) dan SJK (T)*.
- Judin Ahmad & Jaafar Mahmud. (2003). Kajian keberkesanan pendekatan berkumpulan dalam pengajaran pembelajaran Pendidikan Seni Visual, *Jurnal Penyelidikan Maktab Perguruan Sultan Abdul Halim*.
- Johnson, D. W., Johnson, R. T. & Holubec, E. J. (1990). *Circle of learning: Cooperation in the classroom*. (3rd ed.). Edina, Minnesota: Interaction Book Co..
- Johnson, D.W. & Johnson, R.T. (1993). *Cooperation in the classroom*. (6th ed.). Edina, MN: Interaction Book Co.
- Kagan, S. (1992). *Cooperative Learning*. San Juan Capistrano: Kagan Cooperative Learning.

- Kagan, S. (1993). *The Structural Approach to Cooperative Learning*. Dalam Daniel D. Holt McHenry III (ed.), *Cooperative learning: A response to linguistic and cultural diversity*, (19-46). Washington, D.C.: Delta Systems and Centre for Applied Linguistics.
- Khalid bin Mohamed Nor. (1993). *Kaedah Pembelajaran Berkesan*. Kuala Lumpur: Cahaya Pantai Sdn. Bhd.
- Salmiah binti Sidek. (2002). *Kemahiran belajar secara koperatif bagi meningkatkan prestasi pelajar dalam mata pelajaran Pengajian Am 1 (Kenegaraan Malaysia)*. Kementerian Pendidikan Malaysia: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan.
- Senge, P.M. (1994). *The Fifth Discipline: The art and practice of the learning organization*. New York: Doubleday.
- Slavin, R. E. (1982). *Cooperative learning: Student teams. What research says to the teacher*. Washington, D. C.: National Education Association.
- Slavin, R. E. (1983). *Cooperative Learning*. New York: Longman.
- Zawiah Abd. Shukor, Suria Baba & Nadzeri Hj. Isa. (2001). *Strategi pembelajaran koperatif menggunakan teknik Round Robin dan Round Table dalam proses penulisan karangan*. Kuala Lumpur: Forum Penyelidikan Pendidikan Institut Bahasa Melayu Malaysia.